



“JADIKAN AL-QURAN SEBAGAI TEMAN”.1

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ يَعِشْ عَنِ ذِكْرِ الرَّحْمَنِ نُقِصَ لَهُ شَيْطَانًا فَهُوَ لَهُ وَ قَرِينٌ ۚ ۳۶</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan menyeru para jemaah sekalian, agar sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan dengan usaha kita ini akan dapat memperteguhkan lagi ketakwaan kepada Allah SWT.</p>	5
<p>Marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk “JADIKAN AL-QURAN SEBAGAI TEMAN”.</p> <p>Hadirin Jumaat sekalian,</p>	6
<p>Al-Quran al-karim adalah kitab suci yang mengandungi segala ilmu dan petunjuk yang dapat menjadi pembimbing kepada setiap insan ke jalan yang benar. Melalui al-Quran kita dapat meraih pelbagai faedah serta hikmah daripada ayat ayat tersebut. Ini termasuklah ilmu dan nilai ketakwaan, keadilan, menjaga hubungan, bukan sahaja sesama insan, bahkan tanggungjawab kita terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuh tumbuhan. Begitulah sifat al-Quran iaitu kalamullah yang mulia menjadi panduan dan petunjuk sepanjang zaman. Panduannya sangat sesuai diterapkan pada setiap zaman dan keadaan. Kitab Al-Quran yang tiada syak di dalamnya dan menjadi panduan bagi mereka yang beriman.</p>	7
<p>Ini selaras dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 2:</p> <p>ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝</p> <p><i>“Kitab Al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya, ia menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa”</i></p>	8



<p>Sebagai manusia yang dijadikan oleh Allah SWT di atas muka bumi ini, hendaklah kita mendekatkan diri dengan al-Quran. Pada setiap saat dan ketika kita hendaklah sentiasa menjadikan al-Quran sebagai teman sepanjang kehidupan sama ada siang ataupun malam. Hendaklah kita sentiasa merujuk dan memandu diri ke arah jalan kebenaran melalui panduan al-Quran. Jadikan al-Quran sebagai teman bererti sentiasa hampir, sentiasa mendekati dan tidak mudah lupa dengannya. Teman atau sahabat yang kita rapati ini akan terus hampir dengan kita bukan sahaja di dunia fana ini malah dia akan menjadi teman setia kita ketika berada di alam barzah dan di akhirat nanti.</p>	9
<p>Jika kita tidak menjadikan al-Quran sebagai teman sejati dalam hidup ini di khawatiri akan di ambil kesempatan oleh syaitan untuk mempengaruhi setiap tindakan yang kita dilakukan. Jiwa kita yang kosong akan pastinya diselubungi dengan hasutan yang akan merosakkan diri. Oleh itu dekatkanlah diri dengan al-Quran dan jauhilah diri kita daripada gangguan serta hasutan syaitan kerana ia adalah musuh utama kita.</p>	10
<p>Ini selaras dengan peringatan Allah SWT melalui firmanNya dalam Surah al-Zukhruf ayat 36 sebagaimana disebut di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesiapa yang berpaling dari pengajaran Tuhan Yang Maha Pemurah (Al Quran), kami adakan baginya Syaitan (yang menyesatkan) maka syaitan itulah yang menjadi teman yang selalu menyertainya.”</i></p> <p>Muslimin Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	11
<p>Teman sejati adalah penting dalam memberi panduan dan dorongan untuk sentiasa berada di jalan Allah. Teman atau sahabat yang baik akan memberi nasihat dan galakkan untuk terus berada di jalan taqwa. Jika kita tidak mengambil kesempatan untuk mendekati teman sebegini mana mungkin kita dapat menzahirkan kecintaan dan kasih sayang yang terbaik kerana Allah SWT.</p>	12
<p>Untuk itu dalam memastikan al-Quran hadir dalam diri kita, agar hidup ini sentiasa dipandu oleh-Nya, khatib ingin berkongsi beberapa cara bagaimana untuk menjadikan al-Quran sebagai teman:</p> <p>Pertama, sebagai umat islam kita seharusnya mengambil peluang untuk sentiasa mempelajari al-Quran, belajar membacanya, memahami makna ayat-ayat yang dibaca dan berusaha menghayati dalam segenap kehidupan. Al-Quran adalah kitab hidayah pengubat kepada segala penyakit jiwa dan hati manusia agar sentiasa disirami dengan cahaya Allah. Sesungguhnya dengan menjadikan al-Quran sebagai teman yang sentiasa didekati, kita dijanjikan Allah dengan tempat disurga .Mereka yang membaca al-Quran diumpamakan buah yang berbaug wangi disisi Allah SWT.</p>	13



<p>Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Musa Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْأُتْرُجَّةِ، رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ التَّمْرَةِ، لَا رِيحَ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الرَّيْحَانَةِ، رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ، لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ</p>	14
<p><i>“Orang mukmin yang selalu membaca al-Quran seperti buah utrujjah, bau dan rasanya enak. Orang mukmin yang tidak membaca al-Quran seperti buah kurma, tidak berbau tetapi rasanya manis. Orang munafik yang selalu membaca al-Quran seperti raihanah, baunya harum tetapi pahit rasanya. Orang munafik yang tidak membaca al-Quran seperti buah hanzalah, tiada bau dan pahit rasanya.”</i> (Riwayat al-Bukhari).</p>	15
<p>Kedua, sebagai umat islam kita hendaklah meyakini akan mukjizat al-Quran sebagai kitab agung yang dikurniakan oleh Allah SWT yang menjanjikan kemuliaan terutama bagi mereka yang sentiasa mendekatkan diri dengan Al-Quran. Mempunyai hubungan yang rapat dengan al-Quran, seseorang itu sentiasa merujuk dan mempelajari hukum hakamnya yang bukan sahaja untuk dirinya dan ilmu di dunia sahaja malah sebagai bekal di akhirat nanti. Bahkan apa yang lebih utama adalah dapat menghindarkan diri kita daripada kesesatan yang nyata.</p>	16
<p>Firman Allah SWT dalam surah Toha ayat 123:</p> <p>...فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنِ اتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَى ۗ ۱۲۳</p> <p><i>“...Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dari-Ku, nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara.”</i></p>	17



<p>Ketiga, bagi membuktikan sentiasa bersahabat dengan al-Quran, maka kita perlu berusaha sedaya upaya untuk menghafaz ayat-ayatnya agar hafazan tersebut boleh menjadi penenang, penyubur dan sumber kekuatan bagi mendepani cabaran yang mendatang. Yakin dan percayalah bait-bait ayat yang dihafaz itu bukanlah kata-kata syair atau mana-mana pujangga tetapi ia adalah kalamullah yang tinggi nilainya dan mampu membimbing kita ke arah kebenaran dan takwa. Ayat-ayat yang kita baca dan hafaz adalah kalam yang sangat mulia yang dijanjikan syurga dengan membacanya, bahkan dijanjikan syafaat diakhirat nanti.</p>	18
<p>Sebuah hadis daripada Abu Umamah al-Bahili Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">اقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ</p> <p><i>"Bacalah Al-Qur'an, kerana ia akan datang pada hari Kiamat sebagai pemberi syafa'at bagi pembacanya."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	19
<p>Hadirin Jemaah sekalian,</p> <p>Allah menjanjikan bahawa Al-Quran ini boleh memberi ketenangan kepada jiwa-jiwa yang kosong dan bermasalah. Kepada sesiapa yang menghadapi kecelaruan dalam jiwanya dan merasa tidak tenang, dekatilah al-Quran tidak kira pagi, petang, siang mahupun malam. Baca dan fahamilah, mudah-mudahan menjadi penawar untuk menenangkan kita.</p> <p>Begitu juga dengan mendengar bacaan ayat-ayat al-Quran itu, nescaya akan dapat menghiburkan perasaan yang sedih, menenangkan jiwa yang gelisah dan melunakkan hati yang keras serta memperoleh petunjuk daripada Allah SWT. Itulah yang dimaksudkan dengan rahmat Allah SWT.</p>	20
<p>Firman Allah dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28,</p> <p style="text-align: center;">أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ٢٨</p> <p><i>"Hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang."</i></p>	21
	22



<p>Setiap individu pastinya menghadapi pelbagai perasaan sama ada gembira, susah hati, sedih dan sebagainya. sesusah manapun kehidupan yang dihadapi, dan seberat apapun masalah yang ditanggung, pastinya terasa lebih ringan dan damai jika ada teman yang setia bersama. Demikianlah hidup ini akan jadi lemah jika sebatang kara sendirian tanpa saudara dan sahabat, maka sebab itulah teman yang setia hendaklah dicari untuk kebaikan hidup itu. Sudah tentu al-Quran itu layak jadi teman kita di dunia dan akhirat.</p> <p>Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	
<p>Mari sama-sama kita ambil iktibar beberapa tausiah penting untuk dijadikan pengajaran dan panduan hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa al-Quran al-Karim adalah kitab yang diturunkan bagi membimbing manusia ke jalan taqwa.2. Umat Islam hendaklah menjadikan al-quran sebagai teman sejati dengan membacanya, memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran yang terdapat di dalamnya.3. Umat Islam hendaklah sentiasa merujuk al-Quran dalam apa jua perkara dan persoalan kerana ia adalah petunjuk dan jalan keluar kepada segala permasalahan di dunia dan akhirat.	23
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَيَوْمَ نَبَعْتُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِّنْ أَنفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَؤُلَاءِ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ٨٩</p>	24
<p>"Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri dan Kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu) dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayat petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam." <i>(al-Nahl : 89).</i></p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	26
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	27



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
9	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
10	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14